



26 Februari 2013
26 February 2013
P.U. (A) 60

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH PUSAT VETERINAR (FI PERKHIDMATAN) (WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2013

VETERINARY CENTRE (SERVICE FEE) (FEDERAL TERRITORY OF LABUAN) RULES 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BINATANG 1953

KAEDAH-KAEDAH PUSAT VETERINAR
(FI PERKHIDMATAN) (WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 82 Akta Binatang 1953 [Akta 647], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pusat Veterinar (Fi Perkhidmatan) (Wilayah Persekutuan Labuan) 2013.**

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“pusat veterinar” ertinya tempat-tempat di Wilayah Persekutuan Labuan yang ditetapkan oleh Menteri sebagai pusat veterinar;

“perkhidmatan veterinar” ertinya apa-apa perkhidmatan yang diberikan oleh pihak berkuasa veterinar di pusat veterinar sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual.

Fi

3. (1) Fi hendaklah dibayar bagi perkhidmatan veterinar yang diberikan oleh pihak berkuasa veterinar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Ketua Pengarah atau mana-mana orang yang dilantik secara bertulis sebagai pihak berkuasa veterinar oleh Ketua Pengarah boleh, dengan kelulusan Menteri, mengurangkan sebahagian atau keseluruhan atau mengenyepikan fi bagi apa-apa perkhidmatan veterinar.

JADUAL
(Kaedah 3)

Perkhidmatan Veterinar

(1) Pemeriksaan Kesihatan		
Bil.	Spesis	Fi
1.	Kucing	antara RM 10.00 hingga RM 30.00
2.	Anjing	antara RM 20.00 hingga RM 50.00
3.	Kuda	antara RM 30.00 hingga RM 100.00
4.	Lembu atau kerbau	antara RM 5.00 hingga RM 10.00
5.	Kambing , biri-biri atau rusa	antara RM 3.00 hingga RM 5.00
6.	Babi	antara RM 3.00 hingga RM 5.00
7.	Burung untuk perdagangan	antara RM 10.00 hingga RM 50.00
8.	Burung Peliharaan	antara RM 1.00 hingga RM 10.00
9.	Produk binatang	antara RM 5.00 hingga RM 50.00
10.	Spesis burung atau binatang lain	RM 5.50 setiap konsainan
(2) Lain-lain		
Bil.	Jenis perkhidmatan	Fi
1.	Rawatan tanpa suntikan	antara RM 3.00 hingga RM 30.00
2.	Rawatan dengan suntikan	antara RM 3.00 hingga RM 10.00
3.	Bius Setempat (i) Suntikan (ii) Sapuan	antara RM 5.00 hingga RM 20.00 antara RM 5.00 hingga RM 20.00
4.	Bius menyeluruh (i) Oral (ii) Suntikan (iii) Gas	antara RM 2.00 hingga RM 10.00 antara RM 10.00 hingga RM 50.00 antara RM 10.00 hingga RM 50.00
5.	Pemeriksaan kebuntingan	antara RM 10.00 hingga RM 100.00
6.	Bedah siasat	antara RM 15.00 hingga RM 200.00
7.	Pembedahan kecil	antara RM 30.00 hingga RM 100.00
8.	Pembedahan besar	antara RM 50.00 hingga RM 300.00
9.	Pembedahan komestik	antara RM 30.00 hingga RM 200.00
10.	Euthanasia	antara RM 10.00 hingga RM 150.00
11.	Pengurusan bangkai	antara RM 10.00 hingga RM 300.00
12.	Fi ujian pantas (ujian dengan menggunakan kit ujian pantas)	antara RM 5.00 hingga RM 10.00
13.	Fi ujian pengambilan sampel untuk makmal	antara RM 5.00 hingga RM 50.00
14.	Mandi dan perapian	antara RM 10.00 hingga RM 20.00
15.	Potong kuku	antara RM 5.00 hingga RM 10.00
16.	Potong bulu	antara RM 10.00 hingga RM 50.00
17.	Permanian beradas	antara RM 10.00 hingga RM 20.00
18.	Tanda pengenalan (mikrocip)	antara RM 5.00 hingga RM 20.00
19.	Fumigasi	RM 1.00 per meter padu
20.	Nyah kuman	RM 1.00 per meter persegi
21.	Cuci gigi	antara RM 30.00 hingga RM 50.00
22.	Cuci telinga	antara RM 5.00 hingga RM 10.00